

UMS laksana CSR di Kampung Serigai Putatan

UB 8-2-2014 83

Oleh RUZAINI ZULKIFLI

SERAMAI 100 kakitangan Jabatan Pendaftar Universiti Malaysia Sabah (UMS) melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) bersempena sambutan Maulidur Rasul di Masjid Al-Amin, Kampung Serigai, Putatan baru-baru ini.

Menurut Ketua Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said program amal berkenaan mampu menyuburkan dan menyemai nilai-nilai murni di kalangan masyarakat bagi menjayakan aspirasi suci bersempena sambutan terbabit.

“Program amal seperti ini juga mampu memberikan ruang kepada semua warga jabatan bagi mengeratkan hubungan silaturahim di antara kakitangan jabatan dan penduduk Kg Serigai menjayakan aktiviti sempena Maulidur Rasul.

“Secara tidak lansung juga, program sebegini bertujuan menunaikan CSR kita dan mendekatkan lagi nama

UMS kepada masyarakat sekeliling, “katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam perasmian Program Khidmat Masyarakat Jabatan Pendaftar UMS di Kampung Serigai, Putatan di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar dan program berkenaan turut dihadiri oleh Ketua Pemuda Umno Putatan,

Ir Shahelmey Yahya dan Pengerusi Masjid Al-Amin, Amat Ukup.

Program terbabit turut menyaksikan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan, menanam pokok dan mencat bangunan di masjid berkenaan.

KAKITANGAN Jabatan Pendaftar UMS bergambar kenangan bersama komuniti Kg Serigai.



ACARA menanam pokok menjadi simbolik kepada perasmian program berkenaan.



AKTIVITI mengecat bangunan di Masjid Al-Amin, Kg Serigai Putatan.